PARADOX CHINTA

SEBUAH NOVEL SPIRITUAL,
SAINS FIKSYEN DAN FANTASI

HARIZ ZAIN

PARADOX CHINTA

Cetakan Pertama, 2019

PARADOX CHINTA

SEBUAH NOVEL SPIRITUAL, SAINS FIKSYEN DAN FANTASI

HARIZ ZAIN

BAYTUL HIKMA
Pulau Pinang
2019

PARADOX CHINTA

© HARIZ ZAIN

Cetakan Pertama, 2019

Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa
bentuk melalui apa-apa cara sekalipun, melainkan
setelah mendapat keizinan bertulis secara
rasmi daripada Baytul Hikma.

ISBN: 978-967-2091-28-8

Diterbitkan Oleh

BAYTUL HIKMA

(PG0378209-M)

Pulau Pinang, Malaysia

www.baytulhikma.my

baytulhikmaresources@gmail.com

www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia

+6013-2181421

KANDUNGAN

PROLOG 1
BAB 1 9
BAB 2 14
BAB 3 17
BAB 4 19
BAB 5 24
BAB 6 28
BAB 7 31
BAB 8 39
BAB 9 58
BAB 10 61
BAB 11 66
BAB 12 80
BAB 13 84
BAB 14 90
BAB 15 100
BAB 16 104
BAB 17 109
BAB 18 116
BAB 19 120
BAB 20 127
BAB 21 133

BAB 22 136
BAB 23 138
BAB 24 148
BAB 25 154
BAB 26 166
BAB 27 169
BAB 28 176
BAB 29 181
BAB 30 184
BAB 31 194
BAB 32 199
BAB 33 201
BAB 34 206
BAB 35 209
BAB 36 218
BAB 37 221
BAB 38 228
BAB 39 231
BAB 40 239
BAB 41 242
BAB 42 247
BAB 43 251
BAB 44 254
BAB 45 258

BAB 46 261
BAB 47 266
BAB 48 270
BAB 49 274
BAB 50 278
BAB 51 282
BAB 52 285
BAB 53 289
BAB 54 291
BAB 55 296
EPILOG 300
Glosari 304

Paradox Chinta

Hariz Zain

PROLOG

"Kepada pemandu-pemandu yang sedang menuju ke arah Jalan Bara, diharap bersabar kerana beberapa jalan utama sedang diperbaiki, ekoran insiden tidak disengajakan apabila pihak berkuasa tempatan telah membuat satu serbuan, lalu memberkas banyak sumber yang boleh menambahkan bekalan. Oleh yang demikian, pemandu-pemandu jangan terlalu ghairah untuk segera ke Jalan Bara. Lopak dan lecak masih terlalu dalam dan menyebabkan kemalangan yang teruk. Pembekal telah memaklumkan minuman batu, aset-aset canda ghairah muda yang diimport dari Aina, Aiwan, Hailan, dan Nesia juga dikatakan terputus. Walaupun reputasi melanda mengatakan sambutan menggalakkan apabila teknik pemasaran cara akuarium menarik ramai penggemar, Justeru…"

Bezztss... tups!

Segera Rasta mematikan laporan lalu lintas yang diudarakan terus-menerus dari corong radio di kenderaannya. Sambil kepala

meliar dan matanya melingas meluru beberapa jalan utama menuju ke Jalan Bara. Kesesakan yang dilaporkan sebentar tadi benar-benar terjadi. Ramai pemandu sedang tercari-cari jalan alternatif untuk segera ke Jalan Bara. Kehairanan membelit seluruh isi mindanya yang menguasai ketika itu. Sedang Jalan Bara ialah jalan yang berlopak dan kasar-kasar lubang becaknya. Masih ramai yang ingin dan terus memilih untuk melaluinya.

Lingkaran resah.

Beberapa gadis berpakaian separuh, dipeluk erat rakan lelaki sambil menari perlahan di satu sudut samar. Tiada muzik yang mengiringi gerak santai itu. Tiada ritma yang mendodoi emosi mereka. Tangan kanan di punggung botol hitam. Tangan kiri di punggung mongel gadis. Punggung mereka sama-sama meliuk di satu petala fantasi. Rasta mengalih pandangan dari susur jalan gelap menuju keluar jalan sunyi. Sepi menghias lorong, pekat teriak dalam malam.

Rasta meninggalkan penghuni rona di jalur yang diselusuri tanpa sebarang soalan dan jawapan pasti. Dia tidak mahu mengutip erti di awal pengembaraannya mencari jalan, barangkali. Serta tidak mahu untuk menokok kerunsingan di mukaddimah jasmaniahnya. Lalu dia meneruskan perjalanan malamnya.

Lingkaran ruwet.

Salah satu lorong menuju ke Jalan Bara, jalan sunyi dihuni sulit derita beberapa pencinta setia, dengan kotak-kotak kertas menjadi kamar, cadar dan gebar malamnya. Lilin malap melonggok, dihembus angin. Dan segalanya kelam. Muram menjadi-jadi. Jarum-jarum berselerak di sisi sudu, picagari dan kertas timah. Kudis-kudis, nanah dan darah melekat memamah kulit tua pencinta setia. Pencinta setia mengabdi diri separuh mati – berbekal baki-baki hidup yang hampa. Baki-baki hidup dan masa menjadi hamba kepada satu-satunya cinta yang sia-sia.

Rasta menghampiri salah seorang daripada mereka. Rasta masih

di dalam kenderaannya. Dan mula bersuara, "Zombi tidak tidur lagi?"

"Kamu siapa? Tidak nampakkah aku sedang buat apa? Aku sedang tidur. Tapi cuma suku, suku sedang sedar, suku sedang berkata dan suku lagi di awanku. Kamu mahu turut serta ke awanku? Merasa sesuatu yang menjadi milikku? Semua menjadi milikku."

Tergetar-getar. Zombi huyung-hayang. Jalannya tidak jejak. Hampir-hampir terjatuh. Ditahan-tahan. Gagal. Lalu rebah berhampiran parit di belakang sebuah restoran. *Cit … cit … cit …!* Beberapa ekor tikus bertempiaran. Zombi kelihatan kalut dalam dunianya. Khayal di sana; syurga katanya.

Rasta memperlahankan kenderaannya. Mara. Menjenguk dari dalam kenderaannya. Zombi tidak sedar. Namun tangan kanannya masih menggaru-garu kesan tusukan jarum suntikan di lengan kiri. Matanya separuh lena. Mungkin dia terus berada di awannya. Awan atau syurga yang dikejar beberapa ketika, mengheret seluruh hidup ke lembah bahana selamanya.

Lingkaran Rengek.

Tepu malam masih muda buat memangkinkan mereka yang semakin ghairah diulit 'cinta'nya. Rasta cuba menahan batuk punca habuk luar jendela kenderaannya. Sengaja tidak menutup penuh jendela kaca, menghirup udara luar di tengah malam. Bukan mencari penyakit namun cuba berada di mandala itu. Merasai kalut dan kabut di sebuah lorong yang rona cukup asing bagi dirinya, barangkali. Menghayati, mendalami kemudian menjiwai dengan menghirup udara yang sama. Aneh.

"Eh, encik seorang diri malam-malam begini mahu mencari cinta segera?"

Rasta terkejut ketika disapa Rama-rama bersayap warna-warni dalam nada menggoda. Dan harum memaksa deria aromanya menyantap. Matanya menatap separuh jag susu bergetah di dada Rama-rama.

“Cik Rama-rama! Kenapa tidak tidur lagi?”

“Aku mencari cinta untuk kepompongku agar terus bernyawa. Terus mengharung hidup. Encik, encik mencari apa di tengah malam begini?’ ujar Rama-rama menjawab pertanyaan Rasta.

“Saya mencari jalan pulang – setelah sesak di beberapa jalan utama. Almaklumlah di tengah kota besar begini. Kenderaan pula lebih banyak daripada jalan raya. Lebuh raya pun seperti sama, sesaknya tidak segan-segan. Rama-rama masih belum pulang?” jawab dan tanya Rasta jujur dan lembut. Dia cuba juga untuk memahami dan mendapatkan jawapan terus melalui mulut Rama-rama bersayap warna-warni itu.

“Belum. Selagi ada yang sudi membeli cinta, saya akan menjual sewajarnya. Saya terbang dahulu ya. Hati-hati di lorong begini,” belum pun sempat Rama-rama bersayap warna-warni menjawab jawapan untuk ‘jalan pulang’, dia terbang meninggalkan Rasta. Sempat pula menasihati Rasta yang kemudian tersenyum membayangkan Rama-rama juga mampu menaburkan nasihat yang naif begitu – hati-hati di lorong begini, sedangkan dirinya sendiri bagaimana, fikirnya.

Di dalam kenderaan, Rasta menyambung kembali maklumat di deria dengarnya – menghidupkan radio yang dipadam tadi. Fikiran masih kusut-masai. Berserabut, berselirat. Dia masih menelusuri jalan-jalan itu. Mencari jalan keluar di antara jalan menuju Jalan Bara yang gelap-gelita, ‘sibuk’ dengan urus niaga penyusurnya.

“… manakala jalan menuju ke Jalan Kayangan cukup tenang dan santai. Beberapa premis dikatakan hampir tutup kerana tiada sebarang urus niaga dilakukan. Tiada pengunjung yang sudi membeli buku-buku, kitab-kitab, dan wacana serta wahana ilmiah apabila mereka melalui jalan itu. Entah di mana silapnya, kadar cuma beberapa kerat warga penduduk dan pelancong yang hadir. Yang muda pun hanya yang berbulu tebal di muka dan dagu. Berseluar senteng dan berbaju labuh ke lutut. Suatu ketika dahulu jalan itu

menjadi jalan utama yang diimpikan dan diidamkan meskipun terpaksa mempertaruhkan nyawa untuk ke sana. Meskipun terpaksa memberikan darah sebagai syaratnya. Kini sebaliknya yang berlaku. Malahan kelihatan insan-insan daif dan musafir yang memohon pertolongan, terbiar dan kaku di situ. Di satu jalan berturap yang selesa. Baiklah, kita akan menerima laporan selanjutnya dari jalan menuju Jalan Bara."

Bezztts … tups!

Rona rembes.

Rasta segera mematikan radio setelah mendapati seseorang di kejauhan. Juwita barangkali, gerak detik hatinya.

Rasta menghampiri. Benar, Juwita!

Seperti tadi, dia memperlahankan kenderaannya. Hairan, Juwita menangis. Juga seperti permulaan, Rasta yang memulakan mencari jawapan – yang sering mendesak mindanya memenuhi kotak-kotak aksara seperti sebuah teka silang kata. Mesti dipenuhi setiap aksara agar tidak keliru untuk mendapatkan jawapan yang tepat.

"Mengapa Juwita menangis?" Diamatinya halus setiap gerak bibir merah yang mungil itu, masih dalam esakan yang sayu.

"Saya kesal," singkat dan ringkas. Juwita masih teresak-esak. Sambil tisu nipis putih mengesat jujuran deras air matanya. Dia tidak hirau kepada sesiapa jua dia memberi jawapan kepada soalan itu. Yang tiba-tiba muncul di depan mata – lalu bertanya kenapa Juwita menangis?

"Mengapa?" Rasta meminta penjelasan. Jawapan yang masih tergantung mendesak Rasta mencungkil tentang perkara sebenar, secara psikologi.

"Saya kesal kerana menghadiahkan satu-satunya bukti cinta saya kepadanya sempena hari lahirnya. Dia terlalu setia. Kesungguhan sikapnya – mengambil berat, lebih memberi, menyatakan perkataan-perkataan manis yang tidak pernah habis – menjadikan saya seperti

benar-benar diperlukan. Yang punya 'seseorang' untuk menghargai saya. Menyayangi saya. Namun setelah menerima hadiah, dia meninggalkan saya." Juwita mula menangis, lebih perlahan dan terkawal. Setelah segala-galanya diluah usai sementara serabut yang mengongkong fikirannya.

Rasta terdiam. Dia mula dapat menangkap makna kata Juwita. Gadis remaja yang jujur rawak durjanya. Juwita berada di antara dua. Jalan Bara dan sebuah lorong kecil, menuju Jalan Kayangan.

"Lalu, apa tindakan dan fikiranmu selepas ini, Juwita?" sambung Rasta meminta jawapan telus Juwita.

"Saya tidak tahu. Saya dalam dilema," Juwita masih mencari kepastian kepada jalan yang bakal dilaluinya nanti, meski kesal dengan bekas tindakannya.

"Juwita fikirlah elok-elok. Yang lepas tidak boleh dikembalikan. Memaki dan menyesali kesilapan lalu tanpa membetulkan dan menginsafi itu tidak sebenar-benar kehidupan. Ya? Kuatkan semangatmu," nasihat ringkas Rasta merujuk ke arah Jalan Kayangan, agar Juwita tidak lagi memijak lopak, kemudian luka semula untuk mengulangi jalan menuju ke Jalan Bara.

"Mengulangi. Dan mengulangi. Jangan ya, Juwita!" jerit hati kecilnya. Kemudian Juwita berlalu dengan semangat yang baharu. Mudah-mudahan… detik harapan Rasta.

Lingkaran Runsing.

Melihat dari kejauhan, Juwita semakin hilang daripada pandangan. Meninggalkan kesan emosi yang mendalam, amat dalam diri Rasta. Terdetik sesaat untuk menghunjam ke langit gender dengan serangkap ungkap kata terhimpun sekitar benaknya, 'hawa, sayangi dirimu sejujurnya sebelum dia menyayangimu bermakna'. Jauh juga Rasta jinjing jela realiti fikirannya.

"Apa yang awak menungkan?" Tiba-tiba Rasta dikejut oleh kata-kata seorang lelaki. Bercelak kemas dan pekat. Biru hitam warnanya.

Berjanggut nipis. Sambil mengusap-usap janggutnya, kemudian membetul rapi zip beg hitam yang dibimbit di sisi.

"Tidak ada apa-apa Naqib … Naqib sedang buat apa di sini?" Rasta hairan. Ada saki-baki aroma harum yang biasa digunakan pak ciknya. Tapi 'Naqib' itu bukan pak ciknya. Di lorong sunyi, berlopak yang dalam malahan lecak dan keruh; sebuah lorong di antara lorong sepi menuju ke Jalan Bara, juga ada Naqib di sini! Sepatutnya Naqib bergegas menggunakan jalan yang elok dan lancar menuju ke Jalan Kayangan. Aduh, sulit! Fikiran Rasta kacau.

"Saya memang selalu di sini," jawapan bagi pertanyaan Rasta memerangkap segalanya. Bukan merungkai. Rasta keliru. Bertambah.

"Cuma kalian yang tidak perasan. *Syhhh*… barangkali kerana saya berpakaian begini," Naqib senyum sinis meleret mengheret Rasta untuk bertanya lagi.

"Naqib selalu di sini, memantau? Atau mengikut jejak langkah Asri al-Havana mentor Naqib yang digilai ramai pengikutnya?" Perkataan akhir yang hampir klise itu pada fikirannya selain anjakan paradigma, komited dan kompromi, terpacul daripada mulut Rasta.

"Tidak. Saya sukakan suasana di sini. Saya juga manusia biasa. Ah, usah bertanya lagi. Mahu ikut saya?" seloroh pelawaannya. Mengajak Rasta menjiwai dengan jujur lorong-lorong itu. Menuju ke Jalan Bara.

Rasta terkesima berbaur galau yang melampau. Sempat menyambutnya dengan kata 'terima kasih' atas pelawaan 'ikhlas' itu. Sambil memerhatikan Naqib berbusana putih bersih beredar meninggalkannya. Sayup-sayup keputihan itu hilang tenggelam dalam kehitaman malam. Rasta tidak berasa asing lagi dengan sikap Naqib. Sungguh. Dan pada pendapatnya, tiada makna untuk melabelkan manusia dalam kamus hidup manusia. Kecuali Dia yang berhak.

Lingkaran intiha,

Rasta sedar, insaf, akur dalam benak fikirnya, meskipun jalan

dan lorong menuju Jalan Kayangan begitulah hakiki, Dia yang tahu untuk merubah semuanya. Hati – tidak mustahil untuk kembali mencari jalan yang berlopak dan lecak. Dia juga yang Maha Tahu untuk menghadiahi sebuah hidayah di jalan yang tenang itu. Yang telah berturap lama – terserah Rasta untuk mengimbangi, mengimbangi dan mengimbangi lagi. Sebagai insan biasa; yang punya autoriti mutlak menentukan jalan-jalan bahagia yang mendamaikan dan kekal di antara lingkar rona. Fikiran Rasta menerawang jauh menjulang.

Rasta terhenti di jalan kecil menuju ke arah Jalan Kayangan. Cuma Jalan Kayangan.

"Sekian sahaja laporan kesesakan yang ingin disampaikan. Agar kalian bijak memilih jalan yang sepatutnya dilalui," tiba-tiba corong radionya bersuara semula – dengan sendiri, kemudian berhenti. Rasta terkesima tahap maksima dalam layang fikirannya.

Kejutan menikam getar dan degup jantungnya. Rupa-rupanya Izrail sedang menariknya.

Sunyi…

BAB
1

"Yang pertama adalah cinta. Kau dan aku tidak sama. Yang kedua adalah harapan. Kau adalah aku, aku adalah kau. Aku fikir dalam kedua hal itu, kau ada di dalam diriku. Dan aku adalah diriku," – Kimi.

Androidtopia, 30,3030 Masihi

Sekarang sedang berlangsung perhimpunan agung tentera robot Kerajaan Androidtopia. Kelihatan bertrilion aneka robot berhimpun mengikut ras-ras dan kasta. Kesemuanya bergerak-gerak seperti hidup. Berkepala, tangan dan kaki. Mereka juga mengeluarkan suara. Persis manusia.

Ketua Androidtopia bersuara, "Bumi akan menjadi milik kita. Tangkap semua manusia dan jadikan mereka sebagai hamba. Ya! Rihanna, kau pergi ke bumi terlebih dahulu. Kau bertanggungjawab memimpin pasukan robot ke sana, jangan sampai gagal! Kerana kau

adalah baka robot yang terhebat!"

"Baik!" Rihanna menjawab dengan yakin. Kemudian dia menyambung, "Bala tentera Androidtopia sekalian. Penaklukan bumi kita mulakan sekarang. Mula!" Rihanna mengangkat tangannya yang digenggam ke langit tanda kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada raja dan bangsanya. Rambut perangnya beralun-alun ditiup angin dan keyakinannya semakin terserlah sebagai seorang ratu yang mewakili bangsa Android itu.

Arau, Perlis; Malaysia – Hari ini …

Panas! Suhu bilik mencapai 47 C memang sangat merimaskan Rasta. Sudahlah dahaga, Pelam Harum Manis pula harganya sungguh mahal! Sebiji boleh mencapai RM 50. Terhalang jugalah hasrat Rasta untuk menikmatinya di kala musim panas yang seperti sekarang. Rasta keluar dari dewan kuliah Fakulti Kejuruteraan Mekatronik dan memecut motosikalnya, keluar dari Gerbang UniMAP menuju ke Arau. Hatinya panas. Pertandingan Rekacipta Robot yang ingin disertainya tidak mendapat sambutan rakan-rakannya. Alasan mereka, kelas terlalu padat dan mahu menumpukan perhatian dalam pelajaran.

"Ah, macamlah kalau tak masuk pertandingan apa-apa, purata nilai gred kalian akan tinggi!" getus hatinya. Geram.

Oleh itu, dia lebih rela bergerak solo saja dalam pertandingan itu. Tarikh pertandingan hanya tinggal lagi lima bulan. Rasta pening kepala memikirkannya. Dia mahu pulang, rehat lebih baik baginya. Dia ingin meluahkan segalanya yang terbuku. Neneklah tempat Rasta meluah rasa dan menenangkan resah. Rumah nenek terletak di hujung sawah padi saujana mata memandang. Padi juga sedang menghijau. Ada juga petak-petak yang berwarna kuning. Relung yang terbakar juga ada akibat kemarau yang menggila. Di situlah Rasta tinggal bersama nenek. Di rumah kecil di hujung sawah. Setelah ayah dan ibunya meninggal dunia. Sewaktu Rasta masih baru mahu mengenal dunia.

"*Arghhh!* Panas! Sudahlah panas tiada air pula di bilik mandi. Nenek!" jerit Rasta. Dia bengang bercampur stres.

"Rasta, pakai semula bajumu dan mari segera ikut nenek," pujuk Maryam sambil mengetuk pintu bilik air.

Maryam menyuruh Rasta ke biliknya. Di bahagian depan bilik, terdapat mihrab yang menjadi unjuran kiblat tempat Maryam selalu menunaikan solat.

Di hadapan mihrab, Maryam dan Rasta berdiri. Rasta bingung, ingin mendirikan solat bagaimana jika tiada air untuk berwuduk? "Ajaran baharukah nenek?" bisik Rasta sambil matanya terbeliak. Maryam memandang Rasta yang berpeluh sedari tadi. Dia tersenyum melihat cucunya. Lucu.

"Ayuh, kita ke tempat yang paling sejuk di dunia!" jerit Maryam kegirangan. Tidak dilupakan juga beg tangan rona pelanginya, tetap dibimbit bersamanya. Terus, dia menarik tangan cucunya dan memasuki ruang mihrab itu.

Sejuk. Angin menderu-deru. Salju. Beku! "Dimensi apakah ini nenek?" tanya Rasta. Dia kebingungan, dan bersin kerana osmokawalaturan badannya menyesuaikan sistemnya terhadap perubahan suhu.

"Mahu sejukkan badanlah. Kau katakan tadi panas, panas dan panas bukan? Nah, nenek bawa Rasta ke tempat yang paling sejuk di dunia. Antartika!" nenek menempelak. Rasta tersengih. "Apa kena dengan nenek? Kurang kalsium atau Osteoperosiskah?" Rasta sempat bergurau.

Angin di Antartika berderu melayangkan guguran salji pejal. Keadaan sekeliling agak gelap kerana Antartika tidak mendapat cahaya mentari setiap hari. Solstis musim panas di Hemisfera Utara menambahkan lagi kedinginan atmosfera. Suhu ekstrim yang mencapai -89 C itu menjadikan ia sebagai biom paling tundra. Tidak terlihatpun kawasan perumahan dibina di situ. Yang ada cuma salji,

ais batu dan hujan salju yang hanya mampu diadaptasi oleh fungi, alga, nematoda dan anjing laut bersama beruang kutub. Zon itu dideklarasikan sebagai zon bebas oleh penduduk dunia. Tiada penaklukan. Tiada keberhasilan.

Berlantaikan ais, berbumbungkan awan hitam pekat, Rasta dan Maryam melangkah perlahan-lahan meredah ribut salji. Langkah mereka agak sukar. Ekor tudung litup Maryam beralun-alun ditiup angin. Peluh di dahi Rasta juga sudah kering. Wajah mereka dihinggapi butir-butir salji. Panas yang tadinya membara kini bertukar menjadi dingin mencengkam tulang.

Maryam menyeluk beg pelanginya. Dikeluarkan sehelai sejadah berwarna merah lalu dibentangkan di atas lantai ais.

"Wah, nenek ingin mendirikan solatkah? Tapi di mana arah kiblatnya?" Rasta bertanya dengan agak serius bercampur terkejut dengan tindakan Maryam.

"Bukanlah Rasta. Kita tidak boleh berjalan begini. Agak sukar dan membahayakan. Ayuh, injakkan kakimu di atas sejadah ini, dan kita akan terbang," kata Maryam.

Mereka terbang menggunakan sejadah ajaib. Rasta tidak terkejut. Dia tahu yang neneknya mempunyai banyak barang aneh bersifat ajaib. Menurut Maryam, ia adalah sejadah yang dimiliki oleh arwah suaminya, Yusuf. Maryam selalu bercerita tentang Yusuf. Dia sangat aktif mengembara dan bertabligh ketika muda. Dia juga banyak mengumpulkan barang-barang ajaib sepanjang pengembaraannya. Bagi Maryam, Yusuf adalah sufi dan cendekiawan terhebat yang bertakhta di hatinya. Yusuf dikatakan terperangkap dalam dimensi masa yang berbeza sewaktu ingin menguji mesin masa ciptaannya. Mungkin ajalnya sudah sampai di situ. Selepas kehilangan Yusuf, Maryam sedaya-upaya menyambung usaha mencipta mesin masa impian suaminya. Akhirnya ia menjadi kenyataan. Pernah dua tiga kali Rasta menggunakan mesin masa itu untuk kembali ke waktu kuliah dan peperiksaan akibat terbangun lewat. Dan berjaya.

Kenangan itu tersingkap kembali dalam mandala mindanya sewaktu dia di udara merentasi ribut salji bersama-sama cucunya.

Sewaktu terbang di udara tundra, Rasta dapat melihat beruang kutub dengan matanya sendiri. Seperti sedang dalam program lawatan sambil belajar pula. Tiba-tiba terpandang olehnya suatu objek sfera biru seumpama bola boling, sedang berkelip-kelip bercahaya.

"Apa tu nenek? Ayuh kita ke sana nenek, saya ternampak sebiji bola boling di situ!" jelas Rasta sambil menghalakan jari telunjuknya ke arah objek sfera yang terletak di kaki bukit ais di suatu sudut. Maryam mengangguk setuju dan mengarahkan sejadah ajaibnya menurunkan altitud penerbangan. Mereka menghampiri objek biru itu.

"Tit, tit, tit, tiiittt!" Tuli sebentar. Bingit sekali bunyi yang dikeluarkan oleh bola itu. Menyakitkan telinga dan sungguh merimaskan. Walaupun dalam deruan ribut salji, bunyi bingit bola itu tetap jelas kedengaran. Sekali-sekala ia bergerak-gerak sendiri. Bergolek-golek dan melompat-lompat sambil bersinar-sinar. Sementelah mereka ralit memerhatikan bola itu, dengan tidak semena-mena langit menjadi mendung, kemudian menjadi semakin gelap. Awan berkepul-kepul bergulung di atas kepala mereka. Angin semakin laju bertiup secara menegak dari langit ke lantai tundra. Terdapat cahaya seakan-akan halilintar tercetus dari gumpalan awan tersebut. Ah, rupa-rupanya ada objek persis jentera berat sedang keluar dari kepulan nebula awan hitam itu! Rasta dan Maryam kaget dan bertempiaran mencari tempat yang selamat untuk berlindung. Mereka tidak mahu menjadi arwah di situ. Dihempap oleh jentera berat yang entah dari mana datangnya. *"Gedebum!"* ia menghempap lantai bumi tundra.

"Apa itu nenek?" Rasta bertanya dengan seribu persoalan.

"Entahlah, nenek pun tidak tahu" jawab Maryam ringkas.

BAB
2

Pusat Angkasa Negara IV; Taiping, 1998 – Dimensi Alam Ghaib

Dari makmal Pusat Angkasa Negara kelihatan banyak skrin komputer yang menyiarkan gambar-gambar jasad samawi angkasaraya. Suasana pada ketika itu agak suram bercampur cemas.

Terdapat beberapa skrin komputer memancarkan gambar secara terputus-putus. Sudah pasti transmisi maklumat berlaku bersama gangguan. Atau mungkin terdapat kerosakan di bahagian penataan satelit di angkasa sana.

"Profesor Sutra, kami mendapati Satelit Megat Terawis kita telah musnah!" Dr. Mustafa melaporkan kejadian yang berlaku dari ibu pejabat Pusat Angkasa Negara, Banting.

"Apa, Megat Terawis dah musnah?" Profesor Sutra amat

terkejut.

"Bukan itu saja, graviti planet bumi juga didapati jatuh. Satu tenaga luar biasa dikesan mendekati sistem suria dan ia masih dalam siasatan!" Dr. Mustafa menyambung laporannya.

"*Hm...* kalau begitu nampaknya ia dah semakin dekat dengan sistem suria kita sekarang ni. Kalau dibiarkan begini, bumi kita pasti akan hancur berkecai," jawab Profesor Sutra.

Mendengar kenyataan tersebut, tangan Rasta yang menyentuh papan kekunci komputer utama turut menggeletar. Dia juga amat risaukan masa depan bumi.

"Ya, itu dah tentu," jawab Dr. Mustafa ringkas.

"Kami dah terima imej yang sempat dihantar oleh Megat Terawis," Dr. Arif Anuar pula melaporkan dari skrin komputer yang berlainan.

"Ah… Betulkah?" Profesor Sutra terkejut bercampur takut.

"Saya akan hantar imej tersebut ke Taiping sekarang," balas Dr. Arif Anuar.

"Rasta, cepat aktifkan komputer utama kita!" Profesor Sutra mengarahkan anaknya untuk mencerap imej tersebut agar dapat dianalisis dalam kadar segera.

"Baik, ayah!" Rasta terus mencapai papan kekunci komputer utama dan bersedia.

Kedengaran suara Dr. Mustafa dan Dr. Arif Anuar panik dari dalam talian.

"Ah! Apa yang patut kita buat?" Dr. Mustafa menjerit dari dalam talian namun skrin komputer utama gagal memancarkan visual Dr. Mustafa.

"Tak mungkin! Ia sudah semakin hampir. Sebarang apa yang dilintasinya pasti akan musnah! Bahaya ni!" Dr. Arif Anuar bersuara

pula.

Imej tersebut masih belum sampai di Stesen Taiping. Profesor Sutra kaget. Berdegup kencang jantungnya. Ingin tahu apa yang dikecohkan oleh kedua-dua pakar angkasa negara itu. Skrin hablur cecair plasma seluas 120 inci itu masih belum bergambar. Gelap.

"Ayah, imej dah diterima! Bersedia untuk penyiaran imej!" jerit Rasta.

Terpampanglah imej jasad berwarna hitam seakan-akan sebutir bintang, berpusar-pusar dengan asap gelap di timur dan baratnya. Di kutub utara dan selatan bintang hitam itu terdapat satu medan api bersulam halilintar yang berwarna kelabu bercampur merah sedang menyala dan akan memusnahkan setiap jasad yang dilanggarinya. Profesor Sutra dan Rasta tercengang melihat imej tersebut. Saiznya seolah-olah berganda-ganda lebih besar daripada matahari di sistem suria.

"Apa?!" mata Profesor Sutra terbeliak dan mulutnya terlopong melihat 'planet' hitam tersebut. Begitu juga Rasta.

Dalam beberapa saat kemudian, pancaran visual tersebut lenyap dan talian terputus. Dr. Mustafa dan Dr. Arif Anuar juga gagal dihubungi dari Stesen Taiping. Gelap.

BAB
3

Tiada yang dapat merasa apa yang kita rasa. Apabila kita sedih, apabila kita duka, apabila kita pilu, apabila kita hiba. Tapi pernahkah kita bertanya kepada dia. Setiap hari apabila kita sedang mencerminkan diri ini. Apa khabar kamu, apa khabar hati, apa khabar jiwa dan seluruh tubuh ini? – Chakra.

Kamu adalah aku tapi aku bukanlah kamu. Kamu menjadi aku yang sebenar-benarnya aku. Kita sentiasa bersama tapi tidak pernah bersua. Kamu selalu di sisi, aku yang selalu mencari – Sufi.

Dapatkah aku terima dengan hati yang terbuka. Andai sudah sampai waktu untuk berada di depanku. Mungkin di kiri kananku, mungkin di depan belakangku. Mungkinkah aku bersyukur ataupun menunduk malu – Rasta.

***

2.48 pagi

Rasta menyambung kembali maklumat di deria dengarnya – menghidupkan radio yang dipadam tadi. Fikiran masih kusut-masai. Berserabut dan berselirat. Dia masih menelusuri jalan-jalan itu. Mencari jalan keluar di antara jalan menuju gelap-gelita, 'sibuk' dengan urus-niaga penyusurnya.

Bezztts … tups!

"Budak kecil pergi mengaji, pergi mengaji di waktu hujan. Sudahkah engkau mengenal diri, kau kata dah kenal Tuhan… Sekian sahaja laporan kesesakan yang ingin disampaikan. Agar kalian bijak memilih jalan yang sepatutnya dilalui," tiba-tiba corong radionya bersuara semula – dengan sendiri, kemudian berhenti.

BAYTUL
ḤIKMĀ



BAYTUL
ḤIKMĀ

9 789672 091288